




PERKHIDMATAN LOGISTIK

AHMAD YAZID KHAN
CAWANGAN DASAR CUKAI PERKHIDMATAN (CDCP)
BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI (SST)
IBU PEJABAT, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PUTRAJAYA.

20 FEBRUARI 2024

PENAFIAN : Maklumat yang ditunjukkan dalam pembentangan ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai layanan cukai ke atas SST dan tidak bertujuan untuk menjawab sebarang kemungkinan isu SST di masa akan datang. Maklumat yang dinyatakan adalah betul pada tarikh pembentangan dan telah mengikut prosedur yang digariskan oleh pihak Jabatan, sekiranya terdapat sebarang pindaan, JKDM berhak untuk membuat pindaan dengan sewajarnya.

PENGENALAN CUKAI PERKHIDMATAN



Seksyen 8, ACP 2018

Menteri boleh menetapkan mana-mana perkhidmatan sebagai perkhidmatan bercukai



Jadual Pertama



PELUASAN SKOP



PENGUMUMAN BAJET 2024



26. **PERTAMA** : Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8 peratus ketimbang 6 peratus sekarang. Namun, agar tidak membebankan rakyat, peningkatan ini tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi. Kerajaan juga akan meluaskan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajaminan dan kelab karaoke.

JADUAL PERTAMA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018 (PCP 2018)

9-10
KUMPULAN

Kumpulan	Kategori	Nota
A	Penginapan	
B	Makanan & Minuman	
C	Kelab Malam, Dewan Tari-Menari, Kabaret, Pusat Karaoke , Pusat Kesihatan dan Kesejahteraan, Rumah Urut, Rumah Awam dan Rumah Bir	
D	Kelab Persendirian	
E	Kelab Golf dan lapang Sasar Golf	
F	Pertaruhan dan Perjudian	
G	Profesional atau kemahiran	42 13 Kategori
H	Kad Kredit & Kad Caj	
I	Penyedia Perkhidmatan Lain	42 10 Kategori
J	Perkhidmatan Logistik	

PELUASAN SKOP

KUMPULAN I : PEMBROKERAN ATAU PENAJAJAMINAN



KUMPULAN I: PENYEDIA PERKHIDMATAN LAIN

BUTIRAN	ORANG KENA CUKAI	NOTA	CADANGAN
1	Penanggung insurans atau pengendali takaful yang berlesen		
2	Penyedia telekomunikasi, pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan		
3	Ejen Kastam	Menjadi perkhidmatan logistik	
4	Penyedia Ruang Letak Kenderaan		
5	Servis Kenderaan Bermotor atau Pusat Pembaikan		
6	Penyedia Perkhidmatan Kiriman Cepat Berlesen	Menjadi perkhidmatan logistik	
7	Kereta sewa, pandu dan kereta sewa, carter bas dan bas persiaran		
8	Penyedia perkhidmatan pengiklanan		
9	Penyedia penghantaran dan pengagihan elektrik		
10	Penerbangan domestik		
11	Taman Hiburan		
12	Pembrokeran & atau Penajajaminan	Skop diperluaskan kepada selain berkaitan kewangan	
13	Pekhidmatan Pembersihan		

PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

□ SKOP PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN

Perkhidmatan logistik, penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan termasuk dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang, perkhidmatan kiriman cepat dan ejen kastam adalah dikategorikan sebagai perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan J, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

❑ TERMINOLOGI

BARANG

Ertinya semua jenis harta alih di bawah Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 @ melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain



EJEN KASTAM

Ertinya mana-mana orang yang diluluskan di bawah Seksyen 90, Akta Kastam 1967 untuk menjalankan sebarang urusan perkastaman bagi pihak orang lain

PENYEDIA PEKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

Adalah ruang di mana perkhidmatan penyediaan makanan atau minuman disediakan, disaji dan berada di bawah kawalan penyedia makanan atau minuman berkenaan;



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

TERMINOLOGI

KAWASAN DITETAPKAN

(KD) ertinya Labuan, Langkawi, Pangkor dan Tioman. (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);



KAWASAN KHAS

(KK) ertinya sebarang zon bebas, gudang berlesen di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 (AK1967) dan gudang pengilangan berlesen di bawah seksyen 65A (AK1967) dan kawasan pembangunan bersama (KPB), Pengkalan Bekalan Petroleum (Seksyen 77b, AK1967);



PENGHANTARAN BARANG

ertinya pergerakan fizikal barang dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain;



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

TERMINOLOGI

PERKHIDMATAN LOGISTIK

ertinya perkhidmatan yang melibatkan suatu rantai bekalan dengan merancang, melaksana dan mengawal pergerakan dan penyimpanan barang, perkhidmatan serta maklumat berkaitan secara cekap dan berkesan dari lokasi asal hingga ke lokasi penggunaan untuk memenuhi keperluan pelanggan;



PENGHANTARAN MAKANAN DAN MINUMAN

ertinya pergerakan fizikal makanan atau minuman dari penyedia perkhidmatan makanan atau minuman kepada pelanggan di suatu tempat yang lain;

PLATFORM E-DAGANG

ertinya platform digital di mana proses membeli dan menjual produk, makanan atau minuman serta perkhidmatan melalui kaedah elektronik.

PERKHIDMATAN KIRIMAN CEPAT

ertinya perkhidmatan pos yang disediakan dengan cara yang cepat dengan perkhidmatan jejak dan kesan (Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pelesenan) 2015);



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

❑ DEFINISI PERKHIDMATAN LOGISTIK



“Perkhidmatan **logistik**” ertinya perkhidmatan yang melibatkan suatu **rantai bekalan** dengan merancang, melaksana dan mengawal pergerakan dan penyimpanan **barang**, perkhidmatan serta maklumat berkaitan secara cekap dan berkesan dari lokasi asal hingga ke lokasi penggunaan untuk memenuhi keperluan pelanggan

PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

NILAI AMBANG DITETAPKAN
RM500,000

KUMPULAN J, JADUAL PERTAMA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018

(1) Orang kena cukai
1. Mana-mana orang yang menyediakan—
(a) perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk;
(b) perkhidmatan penghantaran, pendedaran atau pengangkutan barang;
(c) perkhidmatan penghantaran, pendedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan melalui platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang; atau
(d) perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]



ORANG KENA CUKAI

BUTIRAN 1 (a), RUANG (1)

❖ Mana-mana orang yang menyediakan—

- a. pengurusan logistik,
- b. perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan,
- c. perkhidmatan penghantaran fret,
- d. perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang,
- e. perkhidmatan perkapalan,
- f. perkhidmatan penerbangan atau
- g. perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk

PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

□ a . Penyedia pengurusan logistik



ORANG KENA CUKAI

penyedia perkhidmatan logistik yang mengatur dan mengurus keseluruhan proses penghantaran barang bagi pihak orang lain

PERKHIDMATAN BERCUKAI

mengatur dan mengurus keseluruhan proses penghantaran barang bagi pihak orang lain

PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

❑ b. Penyedia perkhidmatan pengudangan atau pengurusan pengudangan

Orang kena cukai

pengendali gudang yang meliputi pengaturan dan penyelarasan apa-apa aktiviti yang disediakan kepada pelanggan

Perkhidmatan bercukai

perkhidmatan pengurusan pengudangan adalah termasuk perkhidmatan pengendalian, memuat dan memunggah, memilih dan membungkus, kawalan keselamatan, dan lain-lain



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

❑ c. Penyedia perkhidmatan penghantaran fret

Orang kena cukai

penyedia perkhidmatan yang melibatkan pengaturan dan pengurusan kargo bagi pihak perkapalan atau penerbangan

Perkhidmatan bercukai

- pengaturan keseluruhan proses sehingga ke penghantaran barang
- bertindak sebagai perantara antara pelanggan dengan pembekal perkhidmatan logistik yang lain dengan menguruskan pelbagai perkara seperti penentuan harga, laluan dan waktu perjalanan



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

❑ d. Penyedia perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang



Perkhidmatan bercukai

- pemuatan, pemunggahan muatan, perkhidmatan pengendalian atau penyimpanan barang
- perkhidmatan sampingan yang berkaitan dengan pengangkutan dan penghantaran barang seperti perkhidmatan pengendalian vessel/kapal terbang, perkhidmatan navigasi, pembaikan, penyenggaraan, pemasangan berhubung dengan suatu vessel atau kapal terbang termasuk alat ganti yang digabungkan, pengklasifikasian dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan dan penghantaran barang di pelabuhan atau lapangan terbang

PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

□ e. Penyedia perkhidmatan perkapalan

Orang kena cukai

vessel yang membawa muatan kontena atau kargo dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan yang lain sama ada di dalam perairan Malaysia atau luar Malaysia

Perkhidmatan bercukai

Perkhidmatan perkapalan yang dikenakan cukai perkhidmatan meliputi perkhidmatan pengangkutan, caj fret (tertakluk kepada pergerakan domestik), *shipping local charges*, *terminal handling charges*, *documentation charges*, caj EDI, dan lain-lain caj yang berkaitan dengan perkapalan



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

❑ f. Penyedia perkhidmatan penerbangan

Orang kena cukai

Pesawat udara yang membawa muatan kargo

Perkhidmatan bercukai

- perkhidmatan penerbangan, pemuatan, pemunggahan muatan, perkhidmatan pengendalian atau penyimpanan barang oleh penyedia perkhidmatan
- perkhidmatan pengendalian termasuklah pemunggahan kargo dan perkhidmatan porter, memuat, memunggah muatan, memuat semula, menyimpan, menjaga dan memindahkan kargo, mesin penimbang berat, pemeriksaan kargo, menyediakan atau meminda bil muatan (*bill of lading*), bil jalan udara (*airway bill*) dan nota penghantaran (*delivery order*).



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

g. Penyedia perkhidmatan kemudahan rantai sejuk

Orang kena cukai

Pengendali logistik rantai sejuk

Perkhidmatan bercukai


Perkhidmatan logistik rantai sejuk melibatkan pengangkutan dan penyimpanan produk sensitif suhu melalui kaedah pembungkusan termal dan sejuk



PERKHIDMATAN BAHARU



Pengenaaan cukai perkhidmatan ke atas keseluruhan pemberian perkhidmatan logistik



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

(2)

Perkhidmatan bercukai

(a) Penyediaan semua perkhidmatan logistik kecuali—

- (i) penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang termasuk perkhidmatan kiriman cepat dokumen, bungkusan atau barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;
- (ii) penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang termasuk perkhidmatan kiriman cepat dokumen, bungkusan atau barang dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;

❑ PERKHIDMATAN YANG TIDAK TERTAKLUK KEPADA CUKAI

BUTIRAN (a), RUANG (2)—

❖ semua perkhidmatan logistik bercukai kecuali:

1. penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;
2. penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;
3. penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke pintu masuk pertama di dalam Malaysia;

PERKHIDMATAN BAHARU



4. penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang yang tiba di pelabuhan kastam atau lapangan terbang Malaysia bagi maksud **pemindahan atau pemungghahan dari suatu pesawat udara atau vesel ke suatu pesawat udara atau vesel yang lain** sehingga barang itu diangkut di dalam pesawat udara atau vesel dan diangkut **keluar dari Malaysia;** atau



PERKHIDMATAN BAHARU



5. penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang yang tiba di pelabuhan kastam atau lapangan terbang Malaysia bagi maksud **pemindahan atau pemungghahan dari suatu pesawat udara atau vesel ke suatu gudang kastam, atau suatu gudang berlesen, atau gudang** atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sehingga barang itu diangkut di dalam vesel atau pesawat udara dan diangkut **keluar dari Malaysia**



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

(1) Orang kena cukai
1. Mana-mana orang yang menyediakan—
(a) perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk;
(b) perkhidmatan penghantaran, penganjuran atau pengangkutan barang;
(c) perkhidmatan penghantaran, penganjuran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan melalui platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang; atau
(d) perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]

ORANG KENA CUKAI BUTIRAN 1 (b), RUANG (1)

(b) penyedia perkhidmatan penghantaran, penganjuran atau pengangkutan barang



PERKHIDMATAN BAHARU

KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK


(b) penyedia perkhidmatan penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang

Perkhidmatan
bercukai

- Perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang termasuk kiriman cepat dokumen, bungkusan atau barang
- Perkhidmatan penghantaran barang bagi pembelian secara biasa atau konvensional, penjual akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas caj penghantaran barang kepada pembeli

Bukan
perkhidmatan
bercukai

penghantaran makanan atau minuman yang disediakan oleh penyedia makanan atau minuman



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

(1) Orang kena cukai
1. Mana-mana orang yang menyediakan—
(a) perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan pengudangan atau pengurusan pengudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk;
(b) perkhidmatan penghantaran, pedaran atau pengangkutan barang;
(c) perkhidmatan penghantaran, pedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan melalui platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang; atau
(d) perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]

ORANG KENA CUKAI BUTIRAN 1 (c), RUANG (1)

(c) perkhidmatan penghantaran, pedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan melalui platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

(c) penyedia perkhidmatan perkhidmatan penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan melalui platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang

Perkhidmatan
bercukai

perkhidmatan penghantaran secara konvensional yang disediakan oleh syarikat penghantaran barang, platform E-Dagang yang menyediakan perkhidmatan penghantaran bagi pihak mana-mana orang



Bukan
perkhidmatan
bercukai

penghantaran makanan atau minuman yang disediakan oleh penyedia makanan atau minuman




PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas penyedia perkhidmatan logistik
- Platform E-Dagang



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

(1) Orang kena cukai
1. Mana-mana orang yang menyediakan—
(a) perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan pengudangan atau pengurusan pengudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk;
(b) perkhidmatan penghantaran, penganjuran atau pengangkutan barang;
(c) perkhidmatan penghantaran, penganjuran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan melalui platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang; atau
(d) perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]

ORANG KENA CUKAI

BUTIRAN 1 (d), RUANG (1)

(d) Penyedia perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]



PERKHIDMATAN BAHARU



KUMPULAN J : PERKHIDMATAN LOGISTIK

NILAI AMBANG DITETAPKAN
NIL

(1)
Orang kena cukai

2. Mana-mana orang yang diluluskan untuk bertindak sebagai ejen kastam di bawah subseksyen 90(2) Akta Kastam 1967



ORANG KENA CUKAI

BUTIRAN 2, RUANG (1)

2. Mana-mana orang yang diluluskan untuk bertindak sebagai ejen kastam di bawah subseksyen 90(2) Akta Kastam 1967



PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN



28 Ogos 2018
28 August 2018
P.U. (A) 212

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (PENGENAAN CUKAI BAGI PERKHIDMATAN BERKUKAI BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN DAN KAWASAN KHAS) 2018

SERVICE TAX (IMPOSITION OF TAX FOR TAXABLE SERVICE IN RESPECT OF DESIGNATED AREAS AND SPECIAL AREAS) ORDER 2018

Seksyen 51 & 56, ACP2018 – Menteri Melalui Perintah Yang Diwartakan [Pengenaaan Cukai Bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan Dan Kawasan Khas]



Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai Bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan Dan Kawasan Khas) 2018

- Pindaan 1/2018 – 6.9.2019
- Pindaan 1/2019 – 1.9.2019
- Pindaan 1/2019 – 1.1.2020
- Pindaan 1/2024 – 1.5.2024

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN



- ✓ **Butiran 7**, Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai Bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan Dan Kawasan Khas) 2018 menetapkan penyediaan perkhidmatan logistik di dalam Kawasan Ditetapkan adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.

Seksyen 2, ACP 2018



“Langkawi” ertinya Pulau Langkawi dan semua yang berdampingan dengannya yang terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada tanah besar.



“Pangkor” ertinya Pulau Pangkor, Pulau Simpan, Pulau Tukun Terindak, Pulau Pelanduk, Pulau Andak Pelanduk, Pulau Landak, Batu Orang Tua dan Batu Jambal.

c.i.o 01 Jan 2020



“Labuan” ertinya Pulau Labuan dan pulau-pulau tanggungannya, iaitu Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan and Daat



“Tioman” ertinya Pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi and Jahat;

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN



- ✓ **Butiran 7**, Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai Bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan Dan Kawasan Khas) 2018 menetapkan penyediaan perkhidmatan logistik di dalam **Kawasan Khas** adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.

Seksyen 2, ACP 2018



“zon bebas” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438].



“gudang berlesen” ertinya apa-apa gudang atau tempat yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1965 [Akta 235];



“kawasan pembangunan bersama” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia – Thailand 1990 [Akta 440];



“gudang pengilangan berlesen” ertinya suatu gudang berlesen yang berkenaan dengannya suatu lesen tambahan untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan telah diberikan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967;



Pengkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967
kuatkuasa : 01 Sep 2019

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN



BUTIRAN 7, PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (PENGENAAN CUKAI BAGI PERKHIDMATAN BERCUKAI BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN DAN KAWASAN KHAS) 2018

No.	(1) <i>Perkhidmatan</i>	(2) <i>Orang</i>
7.	<p>(a) Penyediaan semua perkhidmatan logistik kecuali—</p> <p>(i) penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang termasuk perkhidmatan kiriman cepat dokumen, bungkusan atau barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;</p> <p>(ii) penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang termasuk perkhidmatan kiriman cepat dokumen, bungkusan atau barang dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;</p> <p>(iii) penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang termasuk perkhidmatan kiriman cepat</p>	<p>1. Mana-mana orang yang menyediakan—</p> <p>(a) perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rangkaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rangkaian sejuk;</p> <p>(b) perkhidmatan</p>



Skop pengenaan cukai perkhidmatan di Kawasan Ditetapkan (KD) dan Kawasan Khas (KK) bagi penyedia perkhidmatan logistik, Kumpulan J adalah sama seperti skop pengenaan cukai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Kawasan Utama Kastam (KUK)

PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN



31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 380

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE

PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (ORANG YANG
DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

*SERVICE TAX (PERSONS EXEMPTED FROM PAYMENT
OF TAX) ORDER 2018*

**Seksyen 34(1), ACP 2018 – Menteri
Melalui Perintah Yang Diwartakan
[Mengecualikan mana-mana orang atau
golongan orang daripada pembayaran CP]**



**Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang
Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai
Perkhidmatan) 2018**

- Pindaan 1/2018 – 1.1.2020
- Pindaan 1/2020 – 1.5.2020
- Pindaan 1/2024 – 1.3.2024

PENGECUALIAN DARIPADA MEMBAYAR CUKAI PERKHIDMATAN




BUTIRAN NO. 5

<i>(1)</i> <i>Butiran</i> <i>No.</i>	<i>(2)</i> <i>Orang</i>	<i>(3)</i> <i>Perkhidmatan yang</i> <i>dikecualiakan</i>	<i>(4)</i> <i>Syarat</i>
5.	Orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1) Kumpulan J, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018	Perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan J, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018	<p>(a) Orang kena cukai yang disebut dalam ruang (2) ialah seorang orang berdaftar;</p> <p>(b) Perkhidmatan bercukai yang disebut dalam ruang (3) disediakan oleh orang berdaftar yang merupakan orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1) Kumpulan J, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018;</p> <p>(c) Perkhidmatan bercukai yang disebut dalam ruang (3) adalah sama dengan perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh orang kena cukai yang disebut dalam ruang (2); dan</p> <p>(d) Perkhidmatan bercukai yang disebut dalam ruang (3) bukan untuk kegunaan sendiri oleh orang kena cukai yang disebut dalam ruang (2)</p>

PERKHIDMATAN LOGISTIK



Pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan





**SEKIAN
TERIMA KASIH**



<https://mysst.customs.gov.my/>